

Sains dan teknologi ibarat pisau - Tun M

■ FUKUOKA, JEPUN 7 OGOS

MANFAAT sains dan teknologi boleh membawa kepada kebaikan atau sebaliknya kepada manusia dan keputusannya terletak di tangan mereka, kata Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, masalah yang berhubung dengan sains dan teknologi bukanlah mengenai lahiriah tetapi manusia yang mengendalikannya.

Beliau memberi contoh senario sebilah pisau di mana alat itu boleh digunakan untuk mengukir sesuatu menjadi cantik dan sebaliknya boleh juga digunakan secara salah untuk membunuh manusia.

"Sains dan teknologi boleh digunakan untuk kebaikan manusia atau merosakkan manusia.

"Bukannya sains dan teknologi itu yang tidak baik tetapi keputusan manusia apabila mereka menemukan sesuatu untuk membunuh manusia," katanya ketika berucap kepada peserta sekolah musim panas Japan Future Leaders School (JFLS) di sini hari ini mengenai *'How Science and Technology will Contribute to World Peace'*.


Dr. Mahathir berkata, sains dan teknologi boleh menyumbang kepada kebaikan manusia seperti penemuan ubat-ubatan dan penyembuhan penyakit.

Dr. Mahathir dalam ceramah hari ini memberitahu kumpulan

pemimpin masa hadapan itu bahawa peperangan akan terhenti sekiranya mereka ditanamkan dengan pemikiran bahawa membunuh manusia itu adalah satu jenayah dan menggesa mereka menolak keganasan.

Beliau menjelaskan bahawa terdapat pemikiran bahawa "membunuh seseorang itu satu jenayah tetapi membunuh berjuta-juta bukan satu jenayah" dan itu mesti diubah.

"Membunuh orang sama ada satu atau sejuta orang adalah satu jenayah. Anda perlu mendewasakan diri, kerana anda adalah pemimpin masa hadapan negara anda, dan membunuh manusia sama ada seorang atau sejuta adalah satu jenayah," katanya. -BERNAMA



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyampaikan syarahan dalam program ceramah anjuran JFLS di Fukuoka, Jepun semalam. - BERNAMA